



**MAJLIS PENUTUP
SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2022
PERINGKAT NEGERI PERAK**

HEBAHAN MEDIA

Majlis Penutup Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2022 Peringkat Negeri Perak yang diadakan di Dewan Saidina Abu Bakar, INTIM, Ipoh, Perak Darul Ridzuan pada 22 Disember 2022 (Khamis) merupakan acara penutup yang bertujuan meraikan kejayaan penganjuran kesemua program-program yang telah diadakan sempena Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2022 Peringkat Negeri Perak. Majlis Penutup yang akan dirasmikan oleh YB Encik Teh Kok Lim, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak akan diserikan dengan penyampaian hadiah bagi Pertandingan Fotografi, Puisi dan Pantun, Kuiz Alam Sekitar, Ikon Muda Alam Sekitar dan Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar, Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Jawatankuasa Induk Sambutan HASN 2022 seterusnya diakhiri dengan Gimik Penutup iaitu penyerahan Watikah Pelantikan Tuan Rumah HASN 2023 Peringkat Negeri Perak.

Majlis Perasmian HASN 2022 Peringkat Negeri Perak yang sebelum ini telah berjaya diadakan di AEON Midtown Falim, Ipoh, Perak Darul Ridzuan telahpun melabuhkan tirainya. Kejayaan dalam menganjurkan program-program sempena HASN 2022 tidak akan tercapai dengan kerjasama rakan-rakan strategik yang telah terlibat menyumbang dari segi idea, tenaga kerja dan material khususnya tuan rumah penganjuran iaitu Majlis Bandaraya Ipoh. Kolaborasi hebat antara Kerajaan Negeri, MBI, JAS dan semua rakan strategik telah membuahkan hasil yang sangat membanggakan dan meletakkan tanda aras yang tinggi yang perlu dikekalkan pada masa akan datang. Rakan-rakan strategik dan program-program yang telah berjaya dianjurkan sepanjang sambutan HASN 2022 Peringkat Negeri Perak adalah seperti dilampiran.

Majlis pada hari ini menyaksikan pelantikan Majlis Perbandaran Manjung (MPM) sebagai Tuan Rumah HASN 2023 Peringkat Negeri Perak. Asas-asas pemilihan MPM adalah kerana keistimewaan Manjung sebagai bandar pelancongan utama di Negeri Perak. Bandaraya Manjung juga terkenal dengan keindahan alam semulajadinya dan penganjuran HASN di sini seiring dengan visi MPM iaitu menjadikan Manjung Bandar Pelancongan dan Maritim yang maju, progresif, makmur dan terunggul. Majlis penutup ini juga diadakan bagi menghargai sumbangan pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam penganjuran program HASN pada tahun ini.



**MAJLIS PENUTUP
SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2022
PERINGKAT NEGERI PERAK**

Lampiran

Rakan-rakan strategik yang terlibat dalam menjayakan program-program sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak.

Rakan Strategik Kategori Berlian

1. Aeon Midtown Falim, Ipoh
2. Transform Master Sdn. Bhd.
3. Kenep Consultancy & Services Sdn Bhd
4. Central Medicare Sdn Bhd
5. Chemical Industries (M) Sdn. Bhd
6. YTL Cement
7. Edsha Solutions Sdn Bhd
8. Jutawan Jewels Sdn Bhd

Rakan Strategik Kategori Emas

9. Menteri Besar Inc.,
10. Sun Soon Yik Sdn Bhd
11. DNK Metal Recovery (M) Sdn Bhd
12. TNB Janamanjung
13. Perak Transit Berhad
14. Rahman Hydraulic Tin Sdn Bhd
15. Clinco Waste Management Sdn Bhd
16. BP Environmental Testing Sdn Bhd
17. Tri Ecoedge Sdn Bhd

Rakan Strategik Kategori Perak

18. Seleкта Spektra
19. QL Foods Sdn Bhd
20. QL Fish Meals Sdn Bhd
21. Easy Sun Sdn Bhd
22. Selama Oil Mill Sdn. Bhd.
23. Virgo Batik Resort
24. Ipoh S.Y. Recycle Plastic Sdn Bhd
25. HL Porcelain Sdn Bhd
26. Bestcan Food Technological Industry Sdn Bhd
27. Petron Malaysia Refining & Marketing Sdn. Bhd.